

Analisis Bayaran Cucuran Kenderaan Dalam Pentadbiran Harta Pusaka

Muhamad Muizz Abdullah^{1*}

¹*Jabatan Fiqh and Usul Fiqh*

Abdulhamid Abusulayman Kulliyah Of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, Islamic International University Malaysia

*Corresponding Authors
muizzziela8990@gmail.com*

Received: 8 January 2023

Accepted: 8 November 2023

Online First: 26 December 2023

ABSTRAK

Harta pusaka seperti kenderaan mempunyai proses tersendiri dalam proses pentadbiran harta pusaka di Malaysia terutama melibatkan benefisiari yang tidak mempunyai kapasiti undang-undang seperti minor bawah 18 tahun dan orang kurang upaya (OKU). Namun demikian, proses pusaka melibatkan kenderaan ini masih kurang diberi perhatian oleh masyarakat kerana melibatkan proses bayaran cucuran daripada pihak penjaga atau penerima melibatkan bahagian benefisiari tersebut. Justeru, makalah ini akan menganalisis proses bayaran cucuran melibatkan kenderaan yang kini dilaksanakan di Amanah Raya Berhad (ARB), iaitu sebuah badan berautoriti yang menguruskan harta alih di bawah RM600 ribu ringgit. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah penyelidikan berasaskan penelitian kepada peruntukan berkanun, artikel jurnal, buku dan laman web rasmi. Selain itu, temu bual secara separa berstruktur turut dijalankan bersama dua orang pegawai ARB. Makalah ini mendapati terdapat pelbagai situasi melibatkan proses bayaran cucuran dan ARB selaku pentadbir bertanggungjawab menjaga hak benefisiari yang tidak mempunyai kapasiti undang-undang ini dan memastikan manfaat kenderaan tersebut adalah terjamin.

Katakunci: cucuran, minor, orang kurang upaya, harta pusaka



Analysis Of Vehicle Redemption In Estate Administration

ABSTRACT

In Malaysia, the estate administration, such as a car, has its own procedures that must be followed. Particularly when beneficiaries such as minors under the age of 18 and disabled person do not have the necessary legal capacity. Because it involves a redemption process from the custodian or recipient to the beneficiary, the inheritance process involving this vehicle does not receive much attention from the community. As a result, this paper will examine the procedure for handling vehicles at Amanah Raya Berhad (ARB), an authoritative body that manages movable asset under RM600 thousand ringgit. This study is qualitative by using research methods based on research into statutory provisions, journal articles, books, acts, and websites. In addition, a semi-structured interview was conducted with two ARB officers. This paper found that there are various situations involving the redemption process. ARB, as the administrator, is responsible for safeguarding the rights of the beneficiary who does not have this legal capacity and ensuring that the benefits of the vehicle are guaranteed.

Keywords: redemption, minor, disabled person, estate, vehicle.

PENDAHULUAN

Harta pusaka adalah merujuk kepada apa jua aset milik si mati yang ditinggalkan selepas kematian si mati. Harta pusaka merangkumi aset alih seperti kenderaan, saham, wang simpanan, hutang-piutang, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pampasan takaful dan apa sahaja yang berharga. Manakala harta tidak alih adalah seperti rumah dan tanah (Harun, 2008; Rahman & Monawer, 2020). Setelah si mati meninggal dunia, semua harta miliknya perlu dibahagikan kepada waris-waris yang berhak mengikut hukum faraid setelah diselesaikan urusan pengkebumian, hutang-piutang, wasiat dan tuntutan harta pencarian. Ini bersandarkan Firman Allah SWT:

مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِيهَا أَوْ دَيْنٍ

“*Sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya.*”

(al-Nisa’ 4:12)

Ini juga sebagaimana dinyatakan oleh Baginda SAW melalui riwayat Ali bin Abi Talib ra:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَضَى بِالَّذِينَ قَبْلَ الْوَصِيَّةِ وَأَنْتُمْ تُقْرُونَ الْوَصِيَّةَ قَبْلَ الدَّيْنِ

“Rasulullah SAW melunaskan hutang sebelum wasiat, sedangkan kamu semua membaca bahawa pelaksanaan wasiat adalah sebelum hutang”

(al-Tirmidhi, 1996)

Kedua-dua dalil di atas menjelaskan bahawa pengurusan harta pusaka dijalankan setelah dilunaskan hutang-piutang si mati sebelum pelaksanaan wasiat. Dalam pengurusan harta pusaka si mati, berlaku keadaan di mana si mati meninggalkan kenderaan seperti kereta, motorsikal, lori, van dan sebagainya. Secara umumnya, proses harta pusaka melibatkan kenderaan ini adalah sama seperti aset-aset yang lain. Akan tetapi, berdasarkan peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), aset kenderaan hanya boleh dipindah milik kepada seorang individu sahaja (Jabatan Pengangkutan Jalan, 2023). Ini sama sekali berbeza dengan pemilikan harta pusaka melibatkan aset alih lain dan juga aset tidak alih. Sebagai contoh, wang tunai boleh dibahagikan mengikut hukum faraid kepada waris-waris faraid. Begitu juga pemilikan tanah atau rumah, senarai waris-waris yang berhak boleh didaftarkan dalam geran pemilikan tanah walaupun melebihi seorang individu. Ini dapat dirujuk dalam Akta Kanun Tanah Negara 1956:

*Section 345: (1) Where, pursuant to section 344 or the corresponding provisions of any previous land law, any land, share or interest is **registered in the names of two or more persons or bodies "as trustees"**, it shall be held by them jointly; and accordingly, on the death of any of them or, in the case of a body, its dissolution, the said land, share or interest shall vest exclusively in the other or others*

*Section 175(B)(1)(A): the proprietor of land registered in the original register or **his representative and any person** or body having a registrable interest in the land or being holder of lien over the land or over any lease or sub-lease thereof, may apply to the Registrar or Land Administrator Form 10F that the name of the proprietor and any registered interest be entered in a provisional register document of title;*

Selain itu, situasi pengurusan harta pusaka juga berbeza sekiranya melibatkan benefisiari yang tidak mempunyai kapasiti undang-undang seperti minor bawah 18 tahun dan orang kurang upaya (OKU). Walaupun daripada segi hukum faraid mereka berhak mewarisi kenderaan tersebut, namun mereka terhalang daripada sudut kelayakan undang-undang. Malah daripada perspektif syarak mereka termasuk dalam kategori *mahjur alaih* iaitu golongan yang tidak mampu mengurus diri sendiri malah mentadbir harta yang dimiliki (Hussain et al., 2020). Oleh itu, sebarang pemilikan harta dan transaksi tidak dibenarkan kepada mereka. Namun begitu, pemilikan mereka tidaklah terhalang secara mutlak. Mereka masih berhak memperoleh manfaat daripada penggunaan kenderaan tersebut melalui penjaga yang sah dilantik daripada segi undang-undang.

Justeru, kajian ini akan menganalisis proses cururan kenderaan khususnya apabila melibatkan benefisiari yang tidak mempunyai kapasiti undang-undang. Amanah Raya Berhad (ARB) iaitu sebagai salah satu institusi rasmi kerajaan dalam pengurusan harta pusaka di Malaysia dijadikan sampel kajian untuk melihat proses pelaksanaan cururan tersebut.

SOROTAN LITERATUR

Bidang Kuasa Kuasa ARB Dalam Pentadbiran Harta Pusaka Benefisiari Yang Tidak Mempunyai Kapasiti Undang-Undang

Terdapat tiga badan berautoriti di Malaysia pada ketika ini melibatkan pentadbiran harta pusaka iaitu Mahkamah Tinggi Sivil, Unit Pembahagian Pusaka Kecil di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dan ARB. Ketiga-tiga badan berautoriti ini mempunyai bidang kuasa tersendiri bagi memudahkan pengurusan harta pusaka dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan peruntukan perlembagaan ini, pentadbiran harta pusaka di Malaysia terbahagi kepada tiga institusi utama bergantung pada jenis dan nilai aset si mati tersebut (Saifullah & Mahamood, 2020):

1. ARB bagi aset alih bawah RM600,000 yang juga dikenali sebagai Pusaka Ringkas.
2. Unit Pembahagian Pusaka Kecil di bawah JKPTG bagi aset bawah RM2 juta, yang melibatkan aset tidak alih sahaja, atau aset tidak alih berserta aset alih yang juga dikenali sebagai Pusaka Kecil.
3. Mahkamah tinggi bagi aset lebih daripada RM2 juta, yang melibatkan aset alih dan tidak alih, atau salah satu daripadanya yang juga dikenali sebagai Pusaka Besar.

Merujuk kepada bidang kuasa ARB di atas, jelas bahawa bidang kuasanya adalah melibatkan harta alih sahaja sama ada secara berwasiat atau tidak berwasiat yang bernilai di bawah RM600,000. ARB boleh mengeluarkan Surat Kuasa Mentadbir (SKM) sendiri seperti yang diperuntukan dalam Akta Perbadanan Amanah Raya (APAR) 1995:

17. (1) Apabila mana-mana orang meninggal dunia, sama ada berwasiat atau tidak berwasiat, dengan meninggalkan harta alih di Malaysia dan Perbadanan berpuas hati selepas apa-apa penyiasatan yang difikirkannya mencukupi-
*(a) Bahawa nilai keseluruhan harta itu tanpa ditolak hutang, tetapi tidak termasuk nilai apa-apa harta yang dimiliki si mati atau yang si mati berhak kepadanya sebagai pemegang amanah dan bukan secara benefisial, **tidak melebihi enam ratus ribu ringgit;***

Peruntukan Seksyen 17(1)(a) ini memberi bidang kuasa pada ARB untuk mentadbir secara terus aset si mati yang tidak melebihi RM600,000. SKM yang dikeluarkan adalah berbentuk “Akuan” dan tercatat senarai aset si mati yang diperhasilkan. ARB akan menyerahkan SKM tersebut kepada pihak ketiga seperti bank, KWSP, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) untuk diperhasilkan aset tersebut. Aset yang telah diterima tersebut akan dipindah milik kepada waris-waris setelah semua hutang-piutang si mati dilangsaikan (Amanah Raya Berhad, 2023).

Manakalah, bagi harta alih di bawah RM50,000, ARB mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan SKM berbentuk “Arahan” secara terus. Melalui SKM berbentuk arahan ini, dinyatakan pembahagian kepada waris si mati. Waris bertanggungjawab untuk mengemukakan SKM tersebut kepada pihak ketiga untuk memperhasilkan aset tersebut seterusnya membahagikannya sendiri dalam kalangan waris (Amanah Raya Berhad, 2023). Peruntukan akta ini dapat dirujuk dalam seksyen 17(2)(a) APAR 1995:

*Apabila Perbadanan berpuas hati bahawa nilai apa-apa harta yang disebut dalam subseksyen (1) **tidak melebihi lima puluh ribu ringgit**, ia bolehlah mengarahkan supaya harta itu atau mana-mana bahagiannya diserahkan kepada mana-mana orang*

Selain itu, bidang kuasa ARB juga tertumpu kepada pemegang amanah bagi benefisiari di bawah umur dan tiada keupayaan dari segi undang-undang

berdasarkan kepada peruntukan dalam APAR 1995 berikut:

12. (1) *Perbadanan boleh dilantik menjadi **pemegang amanah** apa-apa wasiat atau berian atau surat cara lain yang mewujudkan amanah atau untuk melaksanakan apa-apa amanah atau kewajipan yang tergolong dalam kelas yang ia dibenarkan untuk menerima*

20. *Jika, apabila selesainya pentadbiran harta pusaka seseorang yang mati berwasiat atau tidak berwasiat, masih terdapat dengan perbadanan wang yang tidak dapat dilupuskan serta-merta olehnya melalui pembahagian mengikut undang-undang oleh **sebab ketakdayaan orang yang berhak itu untuk memberikan pelepasan, kerana kurang keupayaan di sisi undang-undang atau selainnya, atau oleh apa-apa sebab lain yang didapati mencukupi oleh Perbadanan, maka Perbadanan boleh menggunakan wang itu bagi faedah orang itu.***

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di dalam seksyen 17(1)(a), 17(2)(a), 12(1) dan 20 APAR 1995 di atas, jelas bahawa ARB boleh dilantik sebagai pentadbir melibatkan aset alih bawah RM600,000, pemegang amanah bagi benefisiari bawah umur dan tiada keupayaan dari segi undang-undang. Namun begitu, pengenalan Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] terkini yang telah diluluskan setelah lulus bacaan kali kedua di Parlimen pada 21 Oktober 2022 yang lalu telah meningkatkan bidang kuasa Unit Pembahagian Pusaka Kecil dan secara tidak langsung turut mengambil kuasa ARB (Parlimen Malaysia, 2022). Diantara kesan utama pindaan tersebut adalah (Abdullah & Ali, 2023; Shah et al., 2022):

- i. Pihak waris juga boleh membuat petisyen di Unit Pembahagian Pusaka Kecil walaupun hanya melibatkan harta alih sahaja seperti kenderaan.
- ii. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) juga diberi kuasa yang sama seperti ARB sebagai pempetisyen ke Unit Pembahagian Pusaka Kecil.

Namun begitu, berdasarkan situasi semasa selepas pindaan tersebut dibuat, pelaksanaan bidang kuasa terkini melibatkan Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] ini masih belum dilaksanakan secara menyeluruh oleh Unit Pembahagian Pusaka Kecil diseluruh Malaysia. Ini berlaku kerana tunggakan proses pentadbiran harta pusaka disebabkan jumlah permohonan yang terlalu terlalu tinggi terutama ketika negara dilanda wabak Covid-19 pada tahun 2020-2021. Selain itu, jumlah pegawai yang terhad

juga menyebabkan pelaksanaannya masih tertunda bagi menyelesaikan kes-kes pentadbiran harta pusaka sedia ada terlebih dahulu (Abdullah & Ali, 2023). Justeru, ini menjadikan ARB sebagai satu-satunya badan berautoriti pada ketika ini yang menguruskan harta alih sahaja khususnya sekiranya si mati meninggalkan kenderaan dan bertindak sebagai pemegang amanah kepada benefisiari yang tidak mempunyai kapasiti undang-undang seperti minor, OKU dan waris yang tidak dijumpai.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, metodologi kajian yang dipilih adalah berbentuk kualitatif. Pengumpulan data mengenai pelaksanaan kaedah bayaran cucuran ini dilakukan berasaskan kepada penelitian dengan merujuk kepada peruntukan berkanun, artikel jurnal, buku dan laman web rasmi. Selain itu, temu bual secara mendalam dan tidak berstruktur bersama dua orang responden turut dijalankan untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai proses bayaran cucuran tersebut. Responden yang dipilih adalah berdasarkan kepada teknik persampelan bertujuan yang mempunyai pengalaman secara langsung dalam pengurusan harta pusaka di Malaysia. Pertama, seorang pegawai ARB daripada Jabatan Khidmat Pelanggan yang bertanggungjawab memberi khidmat nasihat kepada pelanggan mengenai pengurusan harta pusaka. Kedua adalah seorang pegawai ARB daripada Cawangan Kuala Lumpur yang bertanggungjawab dalam proses menyediakan SKM dan menguruskan akaun amanah (*trust*) melibatkan benefisiari yang tidak mempunyai kapasiti undang-undang. Instrumen kajian menggunakan enam soalan temu bual yang dirangka untuk mencapai objektif kajian. Hasil kajian yang diperoleh setelah itu dianalisis secara deskriptif.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pelaksanaan Proses Cucuran Kenderaan Di ARB

Proses cucuran merujuk kepada bayaran tebus bahagian atau pampasan oleh waris yang menerima harta pusaka si mati daripada bahagian waris yang tidak boleh menerima bahagian oleh kerana benefisiari tersebut tidak mempunyai kapasiti undang-undang (Kamus Dewan, 2010). Konsep cucuran ini dilihat menyamai dengan konsep *takharuj* secara bayaran balik. Menurut Ibnu Abidin (2000), *takharuj* bererti penarikan bahagian harta pusaka yang diterima oleh ahli waris sama ada secara sebahagian atau kesemuanya. Bahagian tersebut diserahkan kepada waris lain secara sukarela sama ada dengan balasan, atau percuma atau dibayar ganti rugi daripada harta waris-waris, atau diberi sebahagian daripada harta pusaka kepadanya. Secara asasnya, konsep cucuran

atau *takharuj* ini adalah bersandarkan kepada konsep permuafakatan (*mutual agreement*) atau *as-sulh* dalam kalangan waris (Ahmad, 2017).

Takharuj dibahagikan kepada tiga bahagian (Ali & Ahmad, 2013):

- i. Berlaku diantara dua pihak secara percuma atau dengan bayaran.
- ii. Berlaku diantara seorang waris dengan waris-waris yang lain yang mensyaratkan berlakunya pampasan atau bayaran semula daripada harta pusaka si mati.
- iii. *Takharuj* dengan pembayaran daripada harta lain. Pembayaran tersebut boleh dibuat secara sama rata sesama waris atau mengikut kadar bahagian mereka dalam pusaka atau mengikut kadar tertentu yang dipersetujui.

Merujuk kepada kepada APAR 1995 melalui peruntukan undang-undang dalam 17(1)(a), 17(2)(a), 12(1) dan 20 yang dinyatakan sebelum ini, adalah jelas ARB mempunyai bidang kuasa khusus untuk melaksanakan kaedah bayaran cucuran melibatkan kenderaan dan mentadbir bagi benefisiari yang tidak mempunyai kapasiti undang-undang. Menurut Hashim (2023), proses bayaran cucuran yang dilaksanakan di ARB kini adalah melibatkan waris-waris yang sah berdasarkan hukum faraid. Sebagai contoh, sekiranya si mati meninggalkan suami, waris-waris minor iaitu seorang anak lelaki (AL) dan tiga anak perempuan (AP), dan seorang anak angkat OKU. Aset yang ditinggalkan adalah sebuah kenderaan bernilai RM60,000. Maka perkiraan faraid adalah seperti berikut:

Jadual 1: Contoh Perkiraan Faraid

Waris	Saham	Bahagian	Bahagian	Kenderaan (RM60,000)
Suami	1/4	1/4	5/20	15,000
AL	<i>Asabah bil ghair</i>	3/4	6/20	18,000
AP			3/20	9,000
AP			3/20	9,000
AP			3/20	9,000

Sumber: Muhamad Muizz, 2023

Berdasarkan perkiraan faraid untuk sebuah kenderaan tersebut, bahagian suami adalah sebanyak RM15,000 ribu ringgit, anak lelaki RM18,000 ribu ringgit, setiap anak perempuan RM9,000 ribu ringgit. Manakala anak OKU tersebut tidak mewarisi sebarang harta kerana tidak termasuk dalam kategori waris yang sah mengikut hukum faraid. Proses pentadbiran harta pusaka adalah bermula apabila penjaga/pemohon mengemukakan permohonan di ARB. Penjaga yang dibenarkan memohon adalah dihadkan kepada penjaga asal

(*natural guardian*) seperti ayah, datuk, nenek, adik beradik atau saudara mara, atau penjaga yang dilantik melalui perintah mahkamah atau melalui Borang H Akta Harta Pusaka Kecil (Pembagahian) 1955 (Akta 98). Walaubagaimanapun, sekiranya *natural guardian* tersebut telah meninggal dunia, maka penjaga yang bukan daripada *natural guardian* boleh dilantik melalui lantikan mahkamah atau melalui Borang H (Akta 98). Malah, disyaratkan penjaga tersebut juga bukanlah seorang yang berstatus bankrup dan mempunyai rekod jenayah (Hashim, 2023).

Bagi situasi seperti jadual 1 di atas, penjaga iaitu suami si mati akan membuat bayaran cucuran berjumlah RM45,000 kepada ARB melibatkan bahagian setiap anak-anak tersebut. Setelah itu, satu akaun amanah (*trust*) akan diwujudkan dan ditadbir oleh ARB bagi kepentingan benefisiari sehingga mereka mencapai umur 18 tahun. Sepanjang tempoh peramanahan tersebut, penjaga dibenarkan membuat pengeluaran bagi tujuan nafkah, pendidikan, perayaan dan sebagainya. Pembayaran akhir kepada setiap benefisiari akan dilakukan kepada mereka apabila mencapai umur 18 tahun (Awang et al., 2022).

Proses cucuran di ARB akan berlaku atas beberapa faktor berikut (Ali, 2023):

- i. Wujudnya benefisiari yang tidak mempunyai kapasiti undang-undang seperti minor, OKU atau waris hilang.
- ii. Nilai kenderaan melebihi RM50,000. Sekiranya kenderaan tersebut tidak melebihi RM50,000, maka kenderaan tersebut akan dipindah milik terus kepada penjaga/penerima.
- iii. Kenderaan tersebut tidak lagi berhutang. Sekiranya berhutang, penjaga/penerima perlu melangsaikan hutang tersebut terlebih dahulu.
- iv. Setelah bayaran cucuran dibuat, kenderaan tersebut akan dimiliki oleh penjaga/penerima tersebut.
- v. Satu kenderaan milik si mati adalah untuk satu waris sahaja.

Sebelum pihak ARB mengeluarkan SKM, penjaga perlu menandatangani Surat Aku Janji dan Tanggung Rugi (SAJTR) yang bertujuan melindungi kepentingan benefisiari di bawah umur. Sebagai contoh, kenderaan tersebut digunakan untuk manfaat benefisiari seperti ke sekolah, rawatan perubatan dan pengurusan nafkah mereka. Sekiranya penjaga/penerima tidak melaksanakan amanah tersebut, ARB sebagai pentadbir berhak mengambil tindakan perundangan ke atas penjaga/penerima tersebut.

Selain itu, bagi melengkap proses cucuran ini, penggunaan Surat Persetujuan Penolakan (SPP) turut digunakan. SPP adalah suatu dokumen perundangan untuk mengesahkan penolakan hak waris-waris ke atas kenderaan tersebut. Waris-waris yang menolak bahagian pemilikan mereka ke atas kenderaan tersebut akan menandatangani SPP tersebut di hadapan pesuruhjaya sumpah. Mereka boleh menolak bahagian tersebut sama ada secara percuma atau secara balasan mengikut hukum faraid (Ali, 2023).

Terdapat beberapa situasi yang melibatkan proses bayaran cucuran ini (Ali, 2023):

- a. Nilai dan kuantiti kenderaan
 - i. Sekiranya hanya terdapat satu kenderaan yang bernilai bawah RM50,000, maka tiada cucuran dikenakan ke atas penjaga/penerima. Kenderaan tersebut akan dipindah milik terus kepadanya.
 - ii. Sekiranya hanya terdapat satu kenderaan yang bernilai melebihi RM50,000, maka bayaran cucuran akan dikenakan kepada penjaga/penerima.
 - iii. Sekiranya terdapat dua atau lebih kenderaan yang bernilai bawah RM50,000, maka bayaran cucuran hanya berlaku melibatkan nilai kenderaan yang paling tinggi sahaja. Sebagai contoh, si mati meninggalkan dua buah kenderaan, kenderaan A bernilai RM15,000 dan kenderaan B bernilai RM30,000. Maka bayaran cucuran yang dikenakan adalah ke atas kenderaan B sahaja.
 - iv. Sekiranya terdapat dua kenderaan atau lebih yang bernilai melebihi RM50,000, maka bayaran cucuran akan dikenakan kepada penjaga/penerima melibatkan semua kenderaan tersebut.
- b. Bilangan isteri
 - i. Sekiranya si mati meninggalkan dua orang isteri dan minor. Manakala aset yang ditinggalkan adalah dua buah kenderaan bernilai bawah RM50,000. Maka tiada bayaran cucuran dikenakan ke atas kedua-dua isteri tersebut.
 - ii. Bagi keadaan (i) di atas, sekiranya nilai dua buah kenderaan tersebut melebihi RM50,000, maka bayaran cucuran akan dikenakan ke atas kedua-dua isteri tersebut.
- c. Nilai kenderaan melebihi nilai semasa atau kurang daripada hutang terkini kenderaan

- i. Kenderaan bernilai melebihi RM50,000 dan terdapat harta pusaka si mati dalam bentuk wang tunai. Maka bayaran cucuran tersebut bagi hak milik penjaga/penerima boleh diambil daripada wang tunai tersebut.
- ii. Contoh: kenderaan bernilai RM60,000 dan wang tunai RM20,000.
- iii. Harga terkini kenderaan melebihi RM50,000, namun kenderaan tersebut masih mempunyai tunggakan hutang di bank di bawah RM50,000.
- iv. Contoh: harga terkini kenderaan adalah RM70,000. Namun, terdapat baki hutang kenderaan tersebut yang berjumlah RM30,000. Sekiranya penerima/penjaga telah melangsaikan baki hutang RM30,000 tersebut, maka baki jumlah cucuran yang perlu dibayar adalah RM40,000 bagi pihak minor.
- v. Harga terkini kenderaan di bawah RM50,000 dan kenderaan masih berhutang dengan bank.
- vi. Contoh: kenderaan dibeli pada tahun 2009 berharga RM80,000. Pada tahun 2023, harga terkini kenderaan tersebut bernilai RM20,000 sahaja. Namun, baki hutang kenderaan adalah RM25,000. Sekiranya penerima/penjaga telah melangsaikan hutang kereta berjumlah RM25,000 tersebut dengan tambahan RM5,000 daripada duitnya sendiri. Maka penerima/penjaga tersebut berhak menuntut bayaran semula ke atas harta pusaka si mati sekiranya si mati meninggalkan wang tunai.

Isu Pembayaran Cucuran

Walaupun bayaran cucuran yang dilaksanakan ARB adalah bertujuan baik untuk menjaga kepentingan benefisiari. Namun, kajian ini mendapati bahawa terdapat dua cabaran utama dalam pelaksanaan bayaran cucuran ini. Pertama adalah cabaran melibatkan bahagian Baitulmal dan kedua berlakunya tiada kerjasama dalam kalangan waris.

1. Cabaran Baitulmal

Menurut Mazhab Syafie, Baitulmal mempunyai hak dalam harta pusaka si mati ketika tiada lagi waris *asabah*, maka harta pusaka tersebut akan diserahkan kepada Baitulmal. Pandangan inilah yang dipraktikkan di seluruh Malaysia pada masa kini (Musa, 2020; JAWHAR, 2008). Walaupun Baitulmal adalah institusi rasmi yang menguruskan harta orang Islam termasuk dalam urusan harta pusaka, namun terdapat juga cabaran dalam pelaksanaan pengurusan harta pusaka melibatkan Baitulmal (Mohamad & Abdullah, 2022). Sebagai contoh, cabaran ini dapat dilihat sekiranya si mati meninggalkan isteri, dua anak

perempuan di bawah umur dan Baitulmal. Manakala aset yang ditinggalkan adalah sebuah kenderaan bernilai RM80,000.

Jadual 2: Contoh Perkiraan Faraid

Waris	Saham	Bahagian	Kenderaan (RM80,000)
Suami	1/4	3/24	10,000.00
AL	2/3	8/24	26,666.67
AP		8/24	26,666.67
Baitulmal	<i>asabah</i>	5/24	16,666.66

Sumber: Muhamad Muizz, 2023

Berdasarkan Jadual 2 di atas, setiap waris mempunyai bahagiannya tersendiri ke atas sebuah kenderaan tersebut. Ini termasuklah juga bahagian Baitulmal berjumlah RM16,666.66. Jika dilihat, bahagian Baitulmal tersebut adalah besar dan lebih tinggi daripada isteri si mati. Justeru, sekiranya isteri si mati tersebut mengambil kenderaan tersebut, maka jumlah pampasan yang perlu dibayar kepada pihak Baitulmal adalah RM16,666.66. Sekiranya aset si mati adalah tunai, ia tidak menjadi masalah kerana isteri si mati boleh menolak bahagian faraidnya. Namun, dalam situasi di atas aset adalah sebuah kenderaan sahaja dan isteri si mati perlu mengeluarkan duitnya sendiri.

Justeru, dalam isu ini ia berkait rapat dengan aplikasi *radd* iaitu pengembalian semula lebih harta pusaka si mati kepada waris *ashab al-furud* mengikut bahagian faraid masing-masing. Dalam masa yang sama, tidak terdapatnya waris *asabah* yang akan mewarisi lebih baki harta pusaka tersebut. Kaedah *radd* ini akan menyebabkan pengurangan pada *asal masalah* dan penambahan kepada kadar habuan pusaka yang telah ditentukan (Musa, 2020). Aplikasi *radd* memainkan memainkan peranan yang penting untuk menjaga kebajikan waris. Aplikasi *radd* juga dipraktikkan di negara lain seperti Mesir berpandukan kepada pandangan Mazhab Hanafi dan Mazhab Hanbali dengan mengembalikan semula lebih harta pusaka kepada waris *ashab al-furud* berbanding diserahkan kepada Baitulmal (Mohamad & Abdullah, 2022).

Pengiraan selepas *radd* dilaksanakan bagi nilai kenderaan RM80,000:

Jadual 3: Pengiraan Semula *Radd*

Waris-war	Bahagian Asas	Saham 24	Tashih kaedah <i>radd</i>	Saham 19	Kenderaan (RM80,000)
Isteri	1/8	3/24	$19/24 + 5/24 =$	3/19	12,631.58

AP		8/24	24/24 = 1/1	8/19	33,684.21
AP	2/3	8/24		8/19	33,684.21
Lebihan Bahagian		5/24	Dikembalikan kepada waris		
Jumlah (Asal Masalah)		24/24	19/19		

Sumber: Muhamad Muizz, 2023

Berdasarkan pengiraan terkini selepas *radd* dilaksanakan, bahagian Baitulmal telah *ditashihkan* semula kepada semua waris si mati tersebut. Bahagian isteri telah bertambah kepada RM12,631.58 dan bahagian cururan bagi setiap anak-anak si mati telah bertambah kepada RM33,684.21. Justeru, bagi merungkai isu ini, maka ARB sebagai pentadbir perlu mengadakan perbincangan dengan Baitulmal dan mendapatkan pertimbangan mereka untuk melaksanakan kaedah *radd* tersebut. Pertimbangan juga perlu diberikan oleh Baitulmal sekiranya isteri si mati adalah seorang ibu tunggal dan si mati sendiri tidak meninggalkan wang tunai. Kajian ini berpandangan bahawa, jumlah bayaran cururan tersebut diberikan kepada dua anak perempuan bawah umur tersebut adalah lebih wajar terutama untuk urusan persekolahan dan nafkah mereka.

2. Cabaran tiada kerjasama dalam kalangan waris

Walaupun proses cururan adalah menjamin hak dan kebajikan benefisiari, namun terdapat juga masalah melibatkan proses bayaran cururan tersebut terutama jika tiada kerjasama dalam kalangan waris untuk menyelesaikan pengurusan harta pusaka (Zulkafli & Ahmad, 2017; Hussain & Muhamad, 2013). Sebagai contoh, cabaran ini dapat dilihat sekiranya si mati meninggalkan dua anak perempuan OKU (AP), dua orang saudara seibu sebapa lelaki (SIBL) dan tiga orang saudara seibu sebapa perempuan (SIBP). Manakala aset adalah sebuah kenderaan bernilai RM100,000 termasuk kenderaan tersebut yang masih berhutang dengan jumlah RM20,000.

Jadual 4: Contoh Perkiraan Faraid

Waris	Saham	Bahagian	Kenderaan (RM100,000)
AP		7/21	33,333.33
AP	1/4	7/21	33,333.33
SIBL		2/21	9,523.81
SIBL	<i>Asabah bil ghair</i>	2/21	9,523.81
SIBP		1/21	4,761.91
SIBP		1/21	4,761.91

SIBP	1/21	4,761.90
------	------	----------

Sumber: Muhamad Muizz, 2023

Berdasarkan Jadual 4 di atas, setiap AP akan menerima bahagian faraid berjumlah RM33,333.33. Manakala setiap orang SIBL akan menerima RM9,523.81 dan setiap orang SIBP akan menerima RM4,761.91. Berdasarkan peraturan JPJ, aset kenderaan hanya boleh dipindah milik kepada seorang individu sahaja. Maka setiap dalam kalangan waris iaitu SIBL dan SIBP perlu berbincang siapakah yang akan memiliki kenderaan tersebut. Sekiranya salah seorang SIBL ingin memiliki kenderaan tersebut, maka dia perlu melangsaikan hutang kenderaan tersebut yang berjumlah RM20,000. Dalam masa yang sama, ia juga perlu membayar cucuran RM33,333.33 kepada setiap AP si mati, RM9,523.81 kepada SIBL kedua, dan RM4,761.91 kepada setiap SIBP.

Namun demikian, isu ini tidak selesai di sini sahaja walaupun hutang kenderaan tersebut telah dilangsaikan. Ini kerana, setiap waris seperti SIBL dan SIBP masih boleh menuntut hak ke atas kenderaan tersebut sekiranya mereka menolak daripada menerima bayaran cucuran tersebut. Melihat kepada isu ini, proses pentadbiran harta pusaka tidak akan selesai sekiranya waris-waris enggan memberi kerjasama. Justeru, bagi mengatasi masalah ini, kajian ini berpandangan bahawa ARB sebagai pentadbir perlu mensyaratkan penggunaan SPP agar pembahagian harta pusaka ini dapat diselesaikan. Ini bererti, kenderaan tersebut hanya akan dimiliki oleh si pembayar sahaja dan perlu dipersetujui oleh waris-waris yang lain. Jika tidak, kenderaan tersebut tidak dapat dipindah milik kepada penerima/penjaga yang layak. Malah manfaat kenderaan tersebut juga tidak dapat digunakan bagi keperluan anak-anak si mati tersebut.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas mengenai bayaran cucuran khususnya melibatkan pengurusan harta pusaka iaitu kenderaan, kajian ini mendapati bahawa perwarisan harta benefisiari yang tidak mempunyai kapasiti undang-undang adalah terjamin melalui proses cucuran yang dilaksanakan oleh ARB. Ini sebagaimana bidang kuasa yang dimiliki oleh ARB melalui Seksyen 17(1)(a), 17(2)(a), 12(1) dan 20 APAR 1995. SPP yang merupakan dokumen perundangan sivil memainkan peranan penting dalam menyelesaikan kemelut atau sebarang isu yang berbangkit dalam kalangan waris. Pengurusan harta pusaka khususnya melibatkan kenderaan perlu diberi perhatian sewajarnya. Walaupun kenderaan adalah aset alih, namun proses pengurusannya adalah berbeza dengan proses pengurusan melibatkan wang tunai.

Justeru, kajian ini mencadangkan beberapa tindakan yang perlu dilakukan oleh pihak ARB. Pertama, ARB memainkan peranan yang lebih proaktif dalam memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kaedah bayaran cucuran khususnya ibubapa yang mempunyai anak-anak di bawah umur dan OKU. Kedua, kajian ini juga mencadangkan bahawa nilai kenderaan yang dibenarkan berlakunya cucuran dikurangkan kepada RM20,000 untuk manfaat benefisiari yang tidak mempunyai kapasiti undang-undang. Ini kerana, jumlah RM20,000t adalah bersesuaian dengan keluarga yang tidak berkemampuan pada masa kini. Ketiga, ARB perlu memastikan sebarang pengeluaran nafkah daripada pihak penjaga, selepas akaun amanah (*trust*) dibuka perlu dipantau daripada semasa ke semasa. Ini untuk memastikan wang amanah mereka terjamin sewaktu pembayaran semula dilakukan ketika mereka berumur 18 tahun.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ditujukan kepada penilai-penilai atas cadangan-cadangan yang baik sehingga artikel ini berjaya diterbitkan. Terima kasih juga diucapkan kepada responden-responden yang terlibat dalam memberikan input yang berharga dalam penulisan artikel ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada apa-apa konflik yang wujud antara penulis serta pihak luar yang telah terlibat dalam menjayakan penghasilan artikel ini secara keseluruhan.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis adalah pengarang tunggal untuk kajian ini.

RUJUKAN

- Abdullah, M. M. & Ali, M. M.A. (2023). Implikasi Pindaan Akta Harta Pusaka Terhadap Pentadbiran Harta Pusaka. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 1.
- Ahmad, M. Y. (2017). Amalan Muafakat dan Aplikasi Takharuj dalam Pengagihan Pusaka menurut Perspektif Undang-undang Pusaka Islam. *Islāmiyyāt*, 39(1).
- Ali, W.A.W. N. & Ahmad, M. Y. (2013). Mekanisme Aplikasi Takharuj Dalam Pembahagian Harta Pusaka Kecil Di Kuala Terengganu. *Islamiyyat*, 35(2).
- Amanah Raya Berhad. (2023). *Soal Jawab*.

- <https://www.amanahraya.my/ms/pentadbiran-pusaka/soalan-lazim-pusaka/> . 5 September 2023.
- at-Tirmizi, M. I. (1996). *Sunan at-Tirmizi*, Cetakan 1, Dar al-Gharb al-Islami: Beirut.
- Awang, A. B., Abdullah, M. M., & Muhamad, N. H. N. (2022). The Analysis Of Trust As An Islamic Estate Planning Instrument In Malaysia : Challenges And Effects. *UUM Journal of Legal Studies*, 13(1).
- Harun, W. W. A. H. (2008) *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*, cetakan 2, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hussain, N. M., & Muhamad, N. H. N. (2013). Mekanisme pembahagian harta pusaka tanah rancangan: kajian di Felda Taib Andak, Kulai Johor. *Jurnal Undang-Undang Malaysia (KANUN)*, 25(1).
- Hussain, R., Ahmad, M.Y & Noh, N.C. (2020). Tadbir Urus Harta Kanak-kanak Menurut Perspektif Syarak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1).
- Ibnu Abidin, M. A. U. (2000). *Raddu al-Mukhtar ala al-Darr al-Mukhtar Hashiyat Ibn Abidin*. Bayrut: Dar al-Makrifah
- Jabatan Pengangkutan Jalan. (2023). *Panduan Tukar Hakmilik Selain Dari Sukarela*. https://www.jpj.gov.my/web/main-site/kenderaan1/-/knowledge_base/kenderaan/panduan-tukar-hakmilik-selain-dari-sukarela. 5 September 2023.
- JAWHAR. (2008). *Manual Pengurusan Tebus Pusaka*. Cetakan ke-2. Jabatan Perdana Menteri.
- Kamus Dewan. (2010). *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Cetakan ke-4. Kuala Lumpur.
- Mohamad, M. F. & Abdullah, M. M. (2022) The Implementation of Radd in Islamic Inheritance Law (Faraid): One of the Solutions for Estate Administration Problem, Selected Proceedings from the 1st International Conference on Contemporary Islamic Studies (ICIS 2021).
- Musa, M. Z. (2020). Agihan Faraid Melalui Kaedah Al-Radd (Pulangan Semula) Sebagai Mekanisme Kebajikan Waris Dan Amalan Di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 8(2).
- Parlimen Malaysia. (2022). *Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643]*. <https://www.parlimen.gov.my/bills-dewan-rakyat>. 5 September 2023.
- Rahman, M. H & Monawer, M. A. T. (2020), The Legality of Wasiyyah Wajibah in Achieving Maqasid Al-Shariah, *Journal of Contemporary Islamic Studies*, Volume 6, Issue 2.
- Saifullah, M. A. H. & Mahamood, S. M. (2020). Isu-Isu Berbangkit Dalam Pengurusan Harta Pusaka Ringkas Secara Berwasiat Dan Tidak Berwasiat Di Amanah Raya Berhad (ARB). *Journal of Shariah Law Research*, 5(2).
- Shah, M.A. N. A., Drs Nasrul, M. A., Halim, A. H., & Abdul Hak, N. (2022). Administration Of Estates : Resolution Of Disputes In Achieving

Sustainability Among The Deceased ' S Family. *IIUM Law Journal*, 30(2).

Zulkafli, B. N. A., & Ahmad, M. Y. (2017). Kekangan dan Penyelesaian Kelewatan Pengurusan Aset Pusaka Tak Alih Orang Islam di Malaysia. *Islāmiyyāt*, 38(1).

Temu bual

Ali, M. A. M, Eksekutif Kanan di Cawangan Kuala Lumpur, Amanah Raya Berhad. Januari 2023.

Hashim, S. S. F. A. Eksekutif di Jabatan Khidmat Pelanggan, Amanah Raya Berhad. Januari 2023.

Statut

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembagahian) 1955 [Akta 98]

Akta Kanun Tanah Negara 1956

Akta Perbadanan Amanah Raya 1995

Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643]